

TEKS UCAPAN TETAMU KEHORMAT

**MAJLIS PEMBUKAAN RASMI
*BENGKEL TADABBUR AL-QURAN KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA***

**ANJURAN
FAKULTI USULUDDIN,
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
&
JABATAN HAL EHWAL EHWAL MASJID
1442 HIJRAH / 2020 MASIHI**

**YANG MULIA
PENGIRAN DATO SERI PADUKA HAJI BAHROM BIN PENGIRAN HAJI BAHAR
TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PADA
HARI SELASA
01HB RABIULAKHIR 1442H BERSAMAAN 17HB NOVEMBER 2020M**

**JAM
8.30 PAGI**

**BERTEMPAT
DEWAN TARBIYAH,
KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Mulia,

Dr Mikdar Rusdi,

Dekan Fakulti Usuluddin selaku Pengerusi Bersama Bengkel.

Yang Mulia,

Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid Kementerian Hal Ehwal Ugama
selaku Pengerusi Bersama Bengkel.

Yang Mulia,

Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Mulia,

Awang Haji Mohd Serudin bin Haji Timbang.

Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan),
Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Yang Mulia,

Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal,

Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Yang Mulia,
Dr. Haji Adanan bin Haji Basar
Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Yang Mulia,
Pengarah-Pengarah, Pegawai-Pegawai Utama Kolej Universiti Perguruan
Ugama Seri Begawan, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan, Para Jemputan,
Para Fasilitator Bengkel, Para Peserta serta para hadirin dan hadirat yang
dihormati sekalian.

Alhamdulillah, peramba/saya bersyukur ke hadrat Allah *Subhanahu Wata'ala* kerana dengan limpah rahmat dan izinNya jua, kita dapat sama-sama hadir pada pagi ini dalam Majlis 'Perasmian Bengkel Tadabbur Al-Quran Kementerian Hal Ehwal Ugama'.

Peramba/saya sukacita mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Bersama dan juga ahli-ahli Jawatankuasa Bengkel Tadabbur Al-Quran kerana menjemput peramba/saya hadir dan seterusnya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah dan syabas di atas penganjuran Bengkel yang bermanfaat ini.

Hadirin-hadirat yang peramba/saya hormati sekalian,

Kitab Suci Al-Quran adalah sumber rujukan utama dalam kehidupan orang Islam yang terkandung di dalamnya perkara-perkara yang berhubung-kait dengan Aqidah, Syariah dan Akhlak. Mempelajari dan memahami serta menghayati ajarannya adalah suatu kewajipan bagi setiap individu dalam masyarakat Islam. Oleh itu, berusaha mempelajari dan menguasai bidang al-Quran termasuk memahami ayat-ayat dan isi kandungannya adalah amat dituntut dalam Ugama kita sebagaimana firman Allah *Subhanahu Wata'ala* dalam Surah Shad ayat 29:

كُتِبَ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُوا الْأَلْبَابِ ﴿١٣٠﴾

Tafsirnya:

“(Al-Quran ini ialah) sebuah kitab yang Kami telah turunkan kepadamu (Wahai Nabi Muhammad), yang mengandungi berkat supaya mereka memikirkan dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan supaya orang-orang yang mempunyai akal dapat mengambil pengajaran.”

Sungguh, Al-Quran bukan sahaja untuk dibaca bahkan ianya perlu difahami dan dihayati kerana di dalamnya terkandung banyak khazanah ilmu yang sangat bernilai yang hanya dapat diperolehi dengan cara mentadabbur atau memahami ayat-ayatnya. Tadabbur Al-Quran perlu kepada ilmu, perlu kepada kaedah atau metodologi. Ini kerana fungsi tadabbur itu mempunyai kelebihan dan kebaikan sebagaimana yang dinukilkan daripada Imam As-Suyuti *rahimahullah* yang mendefinisikan tadabbur Al-Qur'an itu dengan *memerhatikan perintah suruhan dan larangan di dalam al-Qur'an serta berusaha untuk menerima dan beramal dengannya kerana natijah yang diperolehi daripada amalan tadabbur, akan menghasilkan sifat taqwa dan meningkatkan keyakinan serta keimanan terhadap Allah Subhanahu wa Ta'ala.*

Hadirin-hadirat yang peramba/saya hormati sekalian,

Alhamdulillah, Negara Brunei Darussalam sebagai Negara yang berdaulat dengan pegangan falsafah **Melayu Islam Beraja** untuk sekian lama, terus kukuh berdiri tegak dan istiqamah dalam memartabatkan pembelajaran Al-Quran samada di peringkat Rendah, Menengah, Kolej dan di institusi pengajian tinggi. Pembelajaran Al-Quran amat dititik-beratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Perkara ini sebagaimana petikan titah baginda sempena Majlis Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Bagi Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi, antara petikan titah tersebut:

“Di Brunei, kita ada Sekolah Ugama. Pembelajarannya ialah selama tujuh tahun, di mana Al-Qur'an merupakan mata pelajaran terpenting, yang diajarkan sejak dari peringkat pra lagi. Di sekolah-sekolah menengah umum juga ada tafsiran dan pemahaman Al-Qur'an. Begitu juga kita ada Sekolah-Sekolah Arab pelbagai peringkat dan Institut Tahfiz Al-Qur'an yang mengajarkan Al-Qur'an serta ilmu-ilmu yang berkaitan dengannya.

Di peringkat pengajian tinggi pula, kita juga sudah ada Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan yang terus giat mengajarkan ilmu-ilmu Al-Qur'an.

Beta percaya, memang wajar bagi para mahasiswa yang berkenaan untuk memahami Al-Qur'an. Jika mahasiswa di bidang agama dan guru-guru agama tidak atau belum memahami Al-Qur'an maka siapa lagi? Kita pernah mendengar golongan orientalis turut memahami Al-Qur'an kerana mereka bersungguh-sungguh berusaha untuk itu, maka mengapa mahasiswa kita yang berkenaan tidak berusaha?

Bagi masyarakat umum pula, kita masih saja boleh belajar menurut kadar kemampuan masing-masing." Demikian titah Baginda

Oleh yang demikian, peramba/saya berharap menerusi Bengkel ini para pesertanya akan dapat mempelajari dan memahami kaedah tadabbur Al-Quran yang berkesan, mengetahui dan memahami metodologi pengajarannya dan juga Bengkel ini menjadi medan latihan kepada para pesertanya yang terdiri daripada pegawai-pegawai masjid dan seterusnya mereka akan dapat mempraktikkannya di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat dan akan mencapai objektifnya.

Hadirin-hadirat yang peramba/saya hormati sekalian,

Peramba/Saya yakin menerusi Bengkel ini para pesertanya akan dapat memanfaatkan segala ilmu yang dipelajari di dalam Bengkel ini. Dan ini sekaligus akan dapat memantapkan lagi fungsi masjid itu sebagai pusat

ilmu terutama dalam memberi kefahaman ilmu al-Quran dengan cara pendekatan dan pedagogi yang berkesan dan mudah difahami oleh masyarakat setempat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pernah bertitah sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Bagi Tahun 1436 Hijrah / 2015 Masihi, antara petikan titah tersebut:

“Alhamdulillah, di Negara Brunei Darussalam, tempat untuk belajar membaca Al-Qur'an, tidaklah sukar untuk didapati, seperti di masjid, surau, balai ibadat, institusi pendidikan kerajaan mahupun swasta. Mata Pelajaran Tafsir Al-Qur'an juga turut diadakan di setiap peringkat persekolahan.

Ini adalah bertujuan, supaya generasi kita, bukan saja pandai membaca Al-Qur'an itu, tetapi juga mampu untuk memahami isi kandungannya.” Demikian titah Baginda

Peramba/saya melihat usaha KUPU SB dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid dalam menganjurkan Bengkel seperti ini adalah **sangat signifikan dan perlu diteruskan**. Peramba/saya percaya kerjasama seperti ini amatlah tepat melalui ‘Whole of Nation Approach’ bertujuan meningkatkan kualiti dari aspek kredibiliti dan kapabiliti sumber manusia itu.

Justeru, peramba/saya menyeru kepada pegawai-pegawai masjid dan para imam hendaklah sentiasa berusaha mempertingkatkan diri abiskita terutama dalam pembacaan Al-Quran iaitu bacaan yang faseh, tartil dan bertajwid serta disusuli dengan kefahaman dan penghayatan terhadap bacaan tersebut dan juga tidak terkecuali memahami zikir-zikir yang dilafazkan dalam sembahyang. Perkara ini adalah sangat penting untuk abiskita semua ambil ingatan kerana abiskita adalah sumber rujukan para jemaah di masjid abiskita masing-masing.

Di samping itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid juga perlu berusaha dengan lebih giat untuk memantau aktiviti penta'miran masjid terutama berhubung-kait dengan kuliah yang diadakan di masjid-masjid yang disampaikan oleh Pegawai-pegawai Hal Ehwal Masjid dan juga para imam bagi dapat memenuhi keperluan para jemaah yang ingin mendapatkan ilmu pengetahuan.

Para hadirin hadirat sekalian,

Dalam memartabatkan institusi masjid di Negara Brunei Darussalam, maka ia memerlukan kerjasama padu dari abiskita pegawai masjid. Abiskitalah yang berperanan untuk mencorakkannya. Oleh itu, kita sama-sama akan terus berusaha untuk mencorak program-program yang bersesuaian seperti Bengkel ini demi memastikan fungsi masjid akan dapat terus dipertingkatkan.

Peramba/saya mengambil kesempatan menyeru pihak-pihak yang berkenaan seperti KUPU SB, Jabatan Hal Ehwal Masjid dan lain-lain Jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama dan yang lainnya untuk terus-menerus meningkatkan kerjasama dalam merencana program-program ke arah meningkatkan kualiti pegawai-pegawai masjid di samping memantapkan profesionalisme mereka dari semasa ke semasa demi kelangsungan hidup bermasyarakat dan beragama di Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini menurut acuan Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan mazhab Syafie. Semoga kita semua selaku rakyat Brunei akan terus teguh berpegang dengan prinsip falsafah Negara Melayu Islam Beraja dan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah Negara Zikir.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, peramba/saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur, para ahli akademik dan sekalian yang hadir pada pagi ini dan peramba/saya penuh berharap semoga dapatan dari Bengkel ini akan memberi manfaat kepada kita semua umumnya dan kepada negara dan masyarakat Brunei khususnya.

Akhirnya, dengan lafaz:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

Peramba/saya dengan sukacitanya merasmikan

Bengkel Tadabbur Al-Quran

Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sekian,

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقَ وَالْهِدَايَةَ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ